

06 JUL 1996

DR MAHATHIR MENGANJURKAN JAMUAN BAGI TETAMU DARI URUGUAY

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganjurkan majlis makan malam bagi Presiden Uruguay Dr Julio Maria Sanguinetti dan isterinya Marta Canessa di Kelab Petroluem, Kompleks Dayabumi, di sini, malam ini.

Hari ini ialah hari terakhir lawatan rasmi lima hari Dr Sanguinetti ke Malaysia. Rombongan dari negara itu akan berlepas ke Johanesburg, Afrika Selatan awal pagi esok.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik merupakan antara orang-orang kenamaan yang menghadiri majlis itu. --
BERNAMA

ZUL PR